



**KERTAS MAKLUMAN**  
**MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**CADANGAN PELAKSANAAN SAMBUTAN HARI KUALITI DAN INOVASI  
PERKHIDMATAN (HKIP) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TAHUN 2016**

### **1.0 TUJUAN**

Kertas ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Universiti Putra Malaysia mengenai cadangan Pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) Peringkat Universiti pada 27 Oktober 2016.

### **2.0 LATAR BELAKANG**

Hari Inovasi disambut bagi menandakan kepentingan budaya kreativiti dan inovasi serta meraikan keberhasilan inovasi di agensi-agensi Kerajaan. UPM telah menyambut baik saranan kerajaan dan mendokong transformasi kerajaan dengan melaksanakan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) Peringkat UPM mulai tahun 2013 apabila cadangan sambutan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Universiti Putra Malaysia melalui mesyuarat bilangan 472/12 pada 30 Januari 2013. Pelaksanaan HKIP ini juga merupakan sebahagian daripada aktiviti peningkatan inovasi yang menyumbang kepada pencapaian Matlamat ke-5 dalam Pelan Strategik UPM 2014-2020 iaitu Mempertingkatkan Kualiti Tadbir Urus. Program HKIP telah memupuk budaya kreatif dan inovatif dalam kalangan pegawai bukan akademik bagi menyelesaikan masalah berkaitan kerja dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Sejarah penganjuran Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan di UPM adalah seperti berikut:

Siri Penganjuran	Tarikh	Tempat
Kali Pertama	31 Oktober 2013	Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia
Kali Kedua	6 November 2014	
Kali Ketiga	5 November 2015	

Senarai anugerah yang dipertandingkan sempena Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM sejak dari awal penganjurannya pada tahun 2013 hingga tahun 2015 adalah seperti di **Lampiran 1**.

### **3.0 OBJEKTIF HKIP UPM**

Objektif pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM adalah:

- i. Meningkatkan kesedaran warga UPM terhadap kepentingan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan kerja;
- ii. Memupuk dan memperkukuh nilai-nilai budaya inovasi dan kreativiti di UPM;
- iii. Merealisasikan pengamalan proses, pendekatan dan budaya berteraskan ciri-ciri inovatif dan kreatif dalam perkhidmatan; dan
- iv. Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

### **4.0 CADANGAN PELAKSANAAN SAMBUTAN HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN UPM 2016**

Cadangan pengisian program Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan yang akan diraikan sepanjang Tahun 2016 adalah seperti berikut:

#### a) Penganjuran Anugerah Kualiti dan Inovasi UPM

Penganjuran anugerah ini akan bermula pada bulan Februari secara berterusan, sehinggalah penilaian aktiviti pada bulan September dan pemenang bagi setiap anugerah diumumkan dan disampaikan semasa Majlis HKIP 2016. Terdapat tujuh (7) kategori anugerah yang akan dianjurkan sepertimana berikut:

- i. Anugerah Mencipta Tema HKIP – (Peneraju : Pusat Jaminan Kualiti);
- ii. Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S – (Peneraju : Pusat Jaminan Kualiti);
- iii. Anugerah Pengurusan Lean – (Peneraju : Pejabat Pendaftar);
- iv. Anugerah Idea Inovasi – (Peneraju : Pusat Jaminan Kualiti);
- v. Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (Peneraju : Pusat Jaminan Kualiti);
- vi. Anugerah Inovasi Perkhidmatan – (Peneraju : Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi));

- vii. Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran (Peneraju : Pusat Jaminan Kualiti).

b) Majlis Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM Tahun 2016

Cadangan tarikh Majlis Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan UPM bagi tahun 2016 adalah pada **27 Oktober 2016** dengan cadangan pengisian aktiviti-aktiviti semasa Majlis Sambutan HKIP adalah seperti berikut:

- i. Nyanyian
  - Lagu Negaraku
  - Lagu Putra Gemilang
  - Lagu Inovasi UPM
- ii. Bacaan Ikrar Hari Inovasi
- iii. Ceramah / Forum Inovasi

Ceramah/forum oleh pakar-pakar Inovasi dalam bidang pengurusan dan peningkatan kualiti bertujuan membantu meningkatkan lagi kesedaran warga UPM tentang pengurusan inovasi dan kreativiti. Program Ceramah/Forum Inovasi akan diadakan pada 27 Oktober 2016.
- iv. Pengumuman Pemenang Anugerah Kualiti dan Inovasi UPM Tahun 2016
- v. Pameran Poster bagi anugerah inovasi perkhidmatan dan KIK yang dipertandingkan.

## 5.0 CADANGAN JAWATANKUASA INDUK

Senarai Jawatankuasa Induk Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan Tahun 2016 seperti berikut:

- i. **Penaung**
  - YBhg. Prof. Datin Paduka Naib Canselor UPM
- ii. **Pengerusi**
  - Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti
- iii. **Timbalan Pengerusi**
  - Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti
- iv. **Setiausaha**
  - Ketua Seksyen Dokumentasi, Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti
- v. **Jawatankuasa Kewangan**
  - Pejabat Bursar

- vi. **Jawatankuasa Promosi dan Protokol**
  - Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi
- vii. **Jawatankuasa Hadiah, Cenderamata & Sijil**
  - Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi
- viii. **Jawatankuasa Jamuan**
  - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- ix. **Jawatankuasa Pengacaraan Majlis, Pembaca Doa dan Pembaca Ikrar**
  - Pusat Jaminan Kualiti
- x. **Jawatankuasa Penerbitan & *Backdrop***
  - Penerbit UPM
- xi. **Jawatankuasa Keselamatan dan Lalu lintas**
  - Bahagian Keselamatan UPM
- xii. **Jawatankuasa Persiapan Dewan dan Teknikal**
  - Pusat Kebudayaan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
- xiii. **Jawatankuasa Hiasan**
  - Taman Pertanian Universiti
- xiv. **Jawatankuasa ICT dan Rakaman**
  - Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
- xv. **Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah**
  - Pusat Jaminan Kualiti
- xvi. **Jawatankuasa Jemputan dan Ceramah/Forum**
  - Bahagian Pembangunan Sumber Manusia,  
Pejabat Pendaftar
- xvii. **Jawatankuasa Penyambut Tetamu**
  - Pejabat Naib Canselor
- xviii. **Jawatankuasa Pameran**
  - Bahagian Perkhidmatan Sumber Manusia,  
Pejabat Pendaftar
- xix. **Jawatankuasa Teks Ucapan**
  - Perpustakaan Sultan Abdul Samad

- xx. **Urusetia Penganjuran Majlis**
  - Pusat Jaminan Kualiti
- xxi. **Jawatankuasa Kecemasan**
  - Pusat Kesihatan Universiti

## **6.0 ANGGARAN PERBELANJAAN**

Anggaran perbelanjaan untuk pelaksanaan Sambutan HKIP 2016 adalah berjumlah **RM 46,561.80** sepertimana yang diperincikan di **Lampiran 2**.

## **7.0 SYOR**

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Universiti Putra Malaysia adalah disyor untuk mengambil perhatian mengenai cadangan pelaksanaan Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) yang akan diadakan pada 27 Oktober 2016 pada jam 8.30 pagi, bertempat di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM.

**Senarai Anugerah Yang Dipertandingkan Sempena  
Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM  
Tahun 2013 hingga 2015**

Bil	Nama Anugerah yang dipertandingkan	Tahun		
		2013	2014	2015
1.	Anugerah Mencipta Tema HKIP UPM 2015	-	-	✓
2.	Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S	✓	✓	✓
3.	Anugerah Pengurusan Lean	-	-	✓
4.	Anugerah Idea Inovasi (Idea-Q)	-	-	✓
5.	Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)	-	✓	✓
6.	Anugerah Inovasi Perkhidmatan	✓	✓	✓
7.	Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran	-	✓	✓
8.	Anugerah Pengurusan Aset <i>Anugerah ini telah dimansuhkan mulai tahun 2015. pengurusan aset telah dimasukkan sebagai salah satu komponen penilaian dalam Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran mulai tahun 2015.</i>	✓	✓	-
9.	Anugerah Khidmat Pelanggan <i>Anugerah ini telah dimansuhkan mulai tahun 2014. Kepuasan Pelanggan telah dimasukkan sebagai salah satu komponen penilaian dalam Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran mulai tahun 2014.</i>	✓	-	-

**PERBELANJAAN SAMBUTAN HARI KUALITI DAN INOVASI PERKHIDMATAN 2016 PERINGKAT UPM**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>PERUNTUKAN (RM)</b>	<b>UNIT/KALI/HARI</b>	<b>AHLI</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
<b>A.</b>	<b>MESYUARAT/BENGGEL</b>				
1	Mesyuarat Induk HKIP (5 kali mesyuarat)	4.00	5	30	600.00
2	Mesyuarat Amalan 5S (2 kali mesyuarat)	4.00	2	10	80.00
3	Mesyuarat KIK (2 kali mesyuarat)	4.00	2	30	240.00
4	Mesyuarat Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran (2 Kali Mesyuarat)	4.00	2	25	200.00
5	Bengkel Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran	14.00	1	30	420.00
6	Mesyuarat Idea Inovasi (2 Kali Mesyuarat)	4.00	2	15	120.00
7	Mesyuarat Mencipta Tema (2 Kali Mesyuarat)	4.00	2	15	120.00
8	Mesyuarat Anugerah (2 kali mesyuarat)	4.00	2	25	200.00
9	Penilaian Amalan 5S	14.00	3	10	420.00
10	Taklimat HKIP	4.00	1	100	400.00
11	GST (6%)	6			168.00
<b>JUMLAH PERUNTUKAN MESYUARAT/BENGGEL</b>					<b>2,968.00</b>
<b>B.</b>	<b>HADIAH DAN JURI</b>				
1	<b>Anugerah Pelaksanaan Amalan 5S</b>				
	Johan	1,500.00	1		1,500.00
	Naib johan	1,000.00	1		1,000.00
	Ketiga	750.00	1		750.00
	Panel Hakim	100	10		1,000.00
<b>JUMLAH PERUNTUKAN AMALAN 5S</b>					<b>4,250.00</b>

2	<b>Anugerah Inovasi Perkhidmatan</b>				
	Pemenang Pertama (Kategori Individu)	1,000.00	1		1,000.00
	Pemenang Kedua (Kategori Individu)	750.00	1		750.00
	Pemenang Ketiga (Kategori Individu)	500.00	1		500.00
	Pemenang Pertama (Kategori Kumpulan)	1,500.00	1		1,500.00
	Pemenang Kedua (Kategori Kumpulan)	1,000.00	1		1,000.00
	Pemenang Ketiga (Kategori Kumpulan)	750.00	1		750.00
	Ketua Hakim	500.00	1		500.00
Panel Hakim	500.00	3		1,500.00	
<b>JUMLAH PERUNTUKAN INOVASI PERKHIDMATAN</b>					<b>7,500.00</b>
3	<b>Anugerah KIK</b>				
	Pemenang Pertama	1,500.00	1		1,500.00
	Pemenang Kedua	1,000.00	1		1,000.00
	Pemenang Ketiga	750.00	1		750.00
	Ketua Hakim	500.00	1		500.00
Panel Hakim	500.00	2		1,000.00	
<b>JUMLAH PERUNTUKAN ANUGERAH KIK</b>					<b>4,750.00</b>
4	<b>Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran</b>				
	Johan	1,500.00	1		1,500.00
	Naib Johan	750.00	1		750.00
	Ketiga	500.00	1		500.00
	Panel Hakim ( <i>mystery shoppers</i> )	50.00	10		500.00
Hakim Dalaman UPM	80.00	2		160.00	
<b>JUMLAH PERUNTUKAN PENARAFAN BINTANG PENGURUSAN PENTADBIRAN</b>					<b>3,410.00</b>



5	<b>Anugerah Pengurusan Lean</b>				
	Johan	1,500.00	1		1,500.00
	Naib Johan	750.00	1		750.00
	Tempat Ketiga	500.00	1		500.00
	Panel Hakim	500.00	2		1,000.00
<b>JUMLAH PERUNTUKAN PENGURUSAN LEAN</b>					<b>3,750.00</b>
6	<b>Anugerah Idea Inovasi</b>				
	Idea Terbaik	150.00	1		150.00
	Idea Terbaik	150.00	1		150.00
	Idea Terbaik	150.00	1		150.00
<b>JUMLAH PERUNTUKAN IDEA INOVASI</b>					<b>450.00</b>
7	<b>Anugerah Mencipta Tema HKIP</b>				
	Johan	200.00	1		200.00
<b>JUMLAH PERUNTUKAN MENCIPTA TEMA HKIP</b>					<b>200.00</b>
<b>JUMLAH PERUNTUKAN KESELURUHAN ANUGERAH</b>					<b>24,310.00</b>
<b>C. JAMUAN MAKAN</b>					
1	<b>Makanan</b>				
	i. Raptai (makan malam - bungkus)	8.00	100		800.00
	ii. VVIP & Ahli Panel (Sarapan - 7.30 am)	8.00	10		80.00
	iii. AJK (sarapan 7.30 am) - Foyer Tingkat 1	6.00	100		600.00
	iv. Peserta - bungkus (sarapan 7.30 am)	6.00	600		3,600.00
	v. VVIP, Ahli Panel dan AJK (makan tengah hari-hidang)**	15.00	80		1,200.00
	vi. Kelengkapan Jamuan VIP (Meja bulat dan alas)	100.00	5		500.00
	vii. Kerusi (sarung + pramusaji)	10.00	50		500.00
	GST (6%)	6			436.80
<b>JUMLAH PERUNTUKAN MAKANAN</b>					<b>7,716.80</b>

<b>D. CERAMAH/FORUM</b>					
1	<b>Bayaran ahli panel/speaker forum</b>				
	i. Ahli Panel (1)	1,500.00	1		1,500.00
	ii. Ahli Panel (2)	1,500.00	1		1,500.00
	iii. Moderator	200.00	1		200.00
<b>JUMLAH PERUNTUKAN CERAMAH/FORUM</b>					<b>3,200.00</b>
<b>E. PAMERAN</b>					
1	<b>Inovasi</b>				
	i. Indoor Poster (Anugerah Inovasi) Saiz : A1	110.00	12		1,320.00
	ii. Indoor Bunting ( Anugerah Inovasi) - Saiz : 2'x6'	100.00	12		1,200.00
2	GST (6%)	6			151.20
<b>JUMLAH PERUNTUKAN PAMERAN</b>					<b>2,671.00</b>
<b>F. PROMOSI</b>					
1	i. Digital (5 hari)	200.00	5		1,000.00
	ii. Backdrop Pentas (Saiz: 14"x8"/4 warna/Kain Tarpoline)	600.00	1		600.00
2	GST (6%)	6			96.00
<b>JUMLAH PERUNTUKAN PROMOSI</b>					<b>1,696.00</b>
<b>G. BUKU PROGRAM</b>					
1	Buku program (Digital) - Penerbit UPM				1,000.00
2	Cetakan Dalaman Buku Program				
3	GST (6%)				
<b>JUMLAH PERUNTUKAN BUKU PROGRAM</b>					<b>1,000.00</b>
<b>H. KONTIGENSI</b>					
1	Lain-lain (belanja luar jangka)	3,000.00			3,000.00
<b>JUMLAH PERUNTUKAN KONTIGENSI</b>					<b>3,000.00</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>					<b>46,561.80</b>